

# Pantun: Sumber Rujukan Sosiobudaya Masyarakat Melayu



by JUFFRI BIN SUP'AT

Associate Librarian  
Lee Kong Chian Reference Library  
National Library

KALAU PANTUN MENGANDUNG SYARAK,  
SAMPAI KIAMAT IANYA TEGAK.

KALAU PANTUN MENGANDUNG SUNAH,  
SAMPAI KIAMAT TAKKAN PUNAH.

KALAU PANTUN MENGANDUNG ADAT,  
ZAMAN-BERZAMAN IA MELEKAT.

KALAU PANTUN MENGANDUNG PETUAH,  
ZAMAN-BERZAMAN IA BERFAEDAH.

KALAU PANTUN MENGANDUNG NASIHAT,  
TURUN-TEMURUN MEMBERI MANFAAT.

KALAU PANTUN MENGANDUNG AMANAH,  
SEPANJANG MASA IA BERTANAH.


(Khazanah Pantun Melayu Riau, Ivii)

Pantun merupakan sastra rakyat yang telah digunakan dengan agak luas di dalam masyarakat Melayu. Ia juga mengandungi falsafah hidup masyarakat Melayu serta merupakan salah satu wadah yang penting dalam meluahkan dan menyampaikan hasrat serta manifestasi pemikiran mereka. Oleh itu bertepatanlah pandangan Omdardin, (1960), bahawa sekiranya "bahasa itu jiwa bangsa", maka pantun adalah salah satu daripada urat sarafnya.


S. Othman Kelantan (2005:148), menjelaskan bahawa sastra sebegini dapat "merakamkan sejarah perkembangan pemikiran, peradaban dan tamadun sesuatu bangsa di dunia". Maka wajarlah pantun digunakan sebagai rujukan sosiobudaya masyarakat Melayu kerana ia adalah cerminan sebenar peradaban dan tamadun Melayu yang sudah bertapak berabad-abad lamanya.

## ASAL PANTUN

Pantun merupakan salah satu ciptaan asli masyarakat Melayu. Dalam kajiannya, Francois-Rene Daillie (1988:20) telah menukil kamus Perancis Petit Robert yang menguatkan hujah ini melalui terjemahan berikut,



All rights reserved, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988



All rights reserved, Malaya Publishing House Limited, Singapore, 1960

"Pantoum (*patum*), masc. noun. (1829, a Malay word). A poem of Malay origin, composed of quatrains with alternate rhymes, in which the second and fourth lines are repeated as the first and third lines of the following stanza. *Harmonie du Soir*, by Baudelaire, is a pantoum."

Pantun boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pembayang dan maksud pantun. Kebiasaannya, pembayang maksud diambil dari pemerhatian sumber alam, sebagai pemula bicara sebelum penyampaian maksud pantun tersebut. Menurut Daillie, pembayang yang digunakan menggambarkan secara langsung kehidupan masyarakat Melayu yang akrab dengan bidang-bidang pertanian dan kelautan, manakala, maksud pantun menepati penyampaian hasrat dan luahan pemikiran Melayu. Sebagai contoh,

*Bukan kacang sebarang kacang,  
Kacang melilit kayu jati;  
Bukan datang sebarang datang,  
Datang melihat jantung hati*

Pantun bermula sebagai sastera lisan, sama seperti sastera-sastera Melayu yang lain. Namun, menurut Omardin, (1960), ia tidak dijumpai di dalam hikayat-hikayat lama seperti Hikayat Seri Rama, Hikayat Seri Panji atau Hikayat Pandawa Jawa. Pantun mula tercatat di dalam buku sastera di abad kelima belas. Menurut Liaw Yock Fang (1975:285),

*"pantun pertama kali muncul dalam Sejarah Melayu dan hikayat-hikayat popular yang sezaman. Pantun juga disisipkan dalam syair-syair seperti Syair Ken Tambuhan."*

Antaranya ialah pantun yang menceritakan tentang kisah Singapura dilanggar todak seperti berikut,

*Carik baju raja,  
Dilompati todak;  
Bukan di sahaja,  
Sebab akal budak.*

*Telur itik dari Senggora,  
Pandan terletak dilangkahi;  
Darahnya titik di Singapura,  
Badannya terlantar di Langkawi.*  
(Kesusasteraan Melayu lama, hlm 84)

Terdapat pantun bagi setiap fasa kehidupan masyarakat Melayu, yakni dari pantun kanak-kanak, dewasa hingga ke tua. Maka tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pantun merupakan salah satu rujukan sosiobudaya masyarakat Melayu kerana ia merakam berbagai aspek kehidupan dan merangkumi pelbagai peringkat usia.

Selain daripada digunakan atau dipersembahkan di dalam majlis-majlis rasmi atau digunakan di upacara-upacara tertentu, pantun juga telah mendarah daging di dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu. Ia telah menjadi wahana untuk menyampaikan "hajat dan hasrat, melahirkan ucap selamat, sanjung dan puji, di samping menjadi "penghibur, alat berjenaka dan bergurau senda" serta "menguji ketajaman akal, menyindir dan menasihati". Bahkan pantun dengan masyarakat Melayu "tidak akan terpisah, umpama irama dan lagu" (Norih 2006: 48).

Para pengkaji telah mengelompokkan pantun kepada pantun kanak-kanak, pantun orang muda dan pantun orang tua, namun untuk tujuan esei ini, kita boleh mengelompokkan pantun kepada beberapa aspek berikut untuk melihat dampak pantun dalam setiap ruang sosial dan budaya masyarakat Melayu seperti:

- pantun kanak-kanak, pantun cinta dan kasih sayang,
- pantun tentang cara hidup masyarakat dan hidup bermasyarakat seperti pantun budi, pantun nasihat dan pantun adat bagi upacara-upacara tertentu seperti majlis perkahwinan, dan sebagainya, serta
- pantun berkenaan alam sekitar masyarakat Melayu.

#### PANTUN KANAK-KANAK

Antara rangkap-rangkap pantun yang disasarkan kepada kanak-kanak ialah:

*Timang tinggi-tinggi,  
Sampai cucur atap;*

*Belum tumbuh gigi,  
Sudah pandai baca kitab.*

Pantun-pantun sebegini sering dinyanyikan atau didodoikan oleh ibu atau keluarga kepada anak-anak. Ia bukan sekadar dendangan untuk menghiburkan si anak, bahkan mengandungi doa dan hasrat supaya anak itu akan menjadi seorang yang berilmu, yakni, sudah boleh membaca kitab walaupun belum lagi tumbuh gigi.

Apabila anak itu sudah ke peringkat yang seterusnya, terdapat pantun seperti

*Cempedak di luar pagar,  
Ambil galah tolong jolokkan;  
Saya budak baharu belajar,  
Kalau salah tolong tunjukkan.*

Namun, terdapat juga kanak-kanak yang kurang bersungguh-sungguh hingga terungkap pantun ini:

*Sorong papan tarik papan,  
Buah keranji di dalam perahu;  
Suruh makan saya makan,  
Suruh mengaji saya tak tahu.*  
(Pantun, hlm. 22)

#### PANTUN CINTA DAN KASIH SAYANG

Bercinta dan berkasih sayang adalah fitrah kehidupan manusia. Maka tidak menjadi suatu kehairanan jika terdapat banyak pantun-pantun bercorak demikian di dalam koleksi pantun-pantun tradisional. Umpamanya seperti contoh pantun berikut yang menggambarkan luahan perasaan tersebut.

*Limau purut lebat ke pangkal,  
Batang selaseh condong uratnya;  
Angin ribut dapat di tangkal,  
Hati kasih apa ubatnya.*

*Dari mana punai melayang,  
Dari sawah turun ke padi;  
Dari mana datangnya sayang,  
Dari mata turun ke hati.*  
(Pantun, hlm. 21)

Namun, apabila kedua insan yang sedang berkasih sayang ini terpaksa berpisah, maka terungkaplah pantun,

*Tanjung Katong airnya biru,  
Tempat orang bermandi-manda;  
Sedang sekampung lagikan rindu,  
Inikan pula jauh di mata.*  
(Mendekati puisi Melayu tradisional, hlm. 22)

*Tuai padi antara masak,  
Esok jangan layu-layuan;  
Intai kami antara nampak,  
Esok jangan rindu-rinduan.*



All rights reserved, Malaya Publishing House Limited, Singapore, 1960

*Dari mana hendak ke mana,  
Tinggi perumpun dari padi,  
Hati mana bulan yang mana,  
Kita berjumpa bertemu lagi.*

(Petua mengarang pantun Melayu, hlm. 8)

Selain itu terdapat juga perlakuan yang sumbang seperti yang digambarkan melalui pantun sebegini:

*Ke teluk sudah, ke Siam sudah,  
Ke Melaka sahaja aku yang belum;  
Kupeluk sudah, kucium sudah,  
Nikah sahaja aku yang belum.*

(Pantun, hlm. 21)

### MASYARAKAT DAN HIDUP BERMASYARAKAT

Di dalam masyarakat Melayu, pantun mempunyai tempat yang istimewa dan sering ditonjolkan dalam kegiatan rasmi dan juga upacara adat dan tradisi. Penggunaan yang luas dan menyeluruh dalam kehidupan masyarakat Melayu sudah termaktub dan tercatat melalui pantun nasihat, pantun budi dan pantun adat dan agama yang menyampaikan nilai-nilai hidup bermasyarakat. Ia jelas tergambar melalui contoh-contoh pantun nasihat dan pantun budi berikut:

#### Pantun Nasihat

*Elok kayu kerana daunnya,  
Daun lebat tempat berteduh  
Elok Melayu kerana pantunnya,  
Pantun adat tempat bersuluh.*

*Elok kayu kerana daunnya  
Dahannya tinggi batangnya besar;  
Elok Melayu kerana pantunnya,  
Pantun berisi tunjuk ajar.*  
(Pantun nasehat, hlm. 15)

*Teritip di tepi kota,  
Mari dikayu sampan pengail;  
Imam khatib lagi berdosa,  
Bertambah pula kita yang jahil.*  
(A history of Classical Malay Literature, hlm 197)

#### Pantun Budi

*Tinggi bukit gilang gemilang,  
Nampak dari si Tanjung Jati,  
Budi sedikit masakan hilang,  
Tetap dikenang sampai mati.*


*Budak-budak menumbuk padi,  
Padi huma dari Palembang,  
Kalau hidup tidak berbudi,  
Tentu hina dipandang orang.*  
(1000 pantun dondang sayang, hlm 27)

*Pulau Pandan jauh ke tengah,*

*Di balik Pulau Angsa Dua;  
Hancur badan dikandung tanah,  
Budi yang baik dikenang jua.*

(A History of Classical Malay Literature, hlm 197)

Perkataan budi mempunyai berbagai lapisan makna di dalam masyarakat Melayu. Makna yang lazim ialah sumbangan seseorang



itu kepada orang lain atau masyarakat umum. Seorang yang menabur budi atau mempunyai jasa dianggap sebagai seorang yang diberkati kerana seringkali budi tidak menuntut balasan. Pantun budi memberi tunjuk ajar dan nasihat tentang cara bagaimana seseorang itu harus melayari kehidupan kerana walaupun badan hancur dikandung tanah, apabila seseorang itu sudah meninggalkan dunia ini, budi yang baik akan tetap dikenang jua.

#### Pantun Adat dan Agama

Adat dan agama memainkan peranan utama dalam kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu, pantun-pantun berkenaan adat dan agama termaktub sebagai garis panduan yang membantu mengurus dan mengatur juga memahami falsafah kehidupan masyarakat Melayu umpamanya pantun berikut,

*Lebat daun bunga tanjung,  
Berbau harum bunga cempaka;  
Adat dijaga pusaka dijunjung,  
Baru terpelihara adat pusaka.*  
(Kumpulan pantun Melayu, hlm 44)

*Banyak bulan perkara bulan,  
Tidak mulia bulan puasa  
Banyak Tuhan perkara Tuhan  
Tidak mulia Tuhan yang Esa*  
(Kumpulan pantun Melayu, hlm 60)

*Hari ini hari Khamis,  
Besok hari Jumaat;  
Barang siapa senyum dan manis,  
Itulah tanda umat Muhammad.*  
(Kumpulan pantun Melayu, hlm 61)

Pantun-pantun ini menjelaskan peranan pantun sebagai wahana untuk “berpesan-pesan nilai-nilai luhur agama, budaya dan norma-norma sosial masyarakatnya” (Tenas Effendy, 2005) dan “pembawa doa, hajat, harapan, nasihat, didikan, ajaran” (Muhammad Ariff Ahmad, 2004).

### Pantun dan Alam Sekitar

Alam Melayu ini sudah barang tentu kaya dengan khazanah alam sama ada di darat ataupun di lautan. Keakraban masyarakat Melayu dengan alam ini jelas terpancar dalam pantun. Maka tidak hairanlah jika ia banyak menggambarkan persekitaran alam masyarakat yang melahirkannya. Tambahan, "alam terkembang" ini "dijadikan guru" dan banyak memberi pengajaran kepada masyarakat yang mengamatinya.

Sebagai contoh pantun-pantun ini,

*Petir berdentum angin menderu,*

*Hujan turun di laut dalam;*

*Sudah ku tuntut petua guru,*

*Berenang di laut macam di kolam.*

(1000 pantun dondang sayang, hlm. 84)

*Daun lepat pokok lengkuas,*

*Bawal dijual di pasar malam;*

*Sudah tabiat jerung yang ganas,*

*Taman bermain di lautan dalam.*

(1000 pantun dondang sayang, hlm. 90)

Pantun bukan sahaja mempunyai nilai seni yang indah bahkan merupakan sumber rujukan penting tentang keadaan sosial dan budaya masyarakat Melayu. Sebagaimana menurut R. O. Winstedt (1961), sekiranya seseorang yang membaca sastera rakyat seperti Awang Sulong Merah Muda dan Malim Deman dapat membantu ia memahami kehidupan dan adat istiadat masyarakat Melayu, maka sudah tentulah mereka yang dapat memahami pantun akan menyelami dan melihat dengan jelas ke dalam jiwa masyarakat itu. Hujah ini disokong oleh Daillie (1988), yang merumuskan bahawa pantun adalah ujaran pemikiran tamadun Melayu.

*"The existence itself of the pantun for centuries - as the most popular and widespread mode of poetic expression, among other forms - has been the obvious evidence of the Malay people's intellectual and artistic life, of their sense of beauty (the beauty of common, humble things, in everyday life), of their sensitiveness in general: an anonymous and oral form of poetry, original to the point that*

*it is not to be found anywhere else on Earth, and only in a rather restricted area of the vast expanse of seas, islands and peninsula known as "the Malay world"; a form of poetry that is not the apanage of a few learned men only, but the common heritage of the people."* (Daillie, 1988:150-151)

Natijahnya, pantun harus terus dikaji kerana di dalam pantun terkandung pelbagai ilmu tentang lingkungan sosial dan budaya masyarakat Melayu. Maka bertepatanlah catatan ungkapan oleh Pak Tenas (2005) ini,

*Apa guna pantun dikaji,  
di dalamnya ada tuntunan budi.  
Pegangan hidup pedoman mati*

*Meluruskan akan  
membersihkan hati  
Membaiikkan akhlak  
mengelokkan pekerti  
supaya hidup tidak terkeji  
Bila mati rahmat menanti.*

(Pantun Nasehat, hlm 58)

### SUMMARY

*Pantun*, the traditional Malay verse or quatrains is not just a manifestation of an aesthetical art form but also encapsulates and reflects the philosophy and way of life of the Malays. As a cultural product that is widely used and practised at every level of the community, pantuns are important social and cultural sources of reference of the Malays.



### RUJUKAN

1. Abdul Halim Ali (2006). *Mendekati puisi Melayu tradisional*. Tanjung Malim: Profesional Baharu. Call No: RSEA 899.28109 ABD
2. Ahmad Babji (1959). *Pantun*. [Singapura]: Geliga. Call No: RCLOS 899.2300812 AHM
3. Daillie, F.R. (1988). *Alam pantun Melayu: Studies on the Malay pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Call No: RSEA 899.2305 DAI
4. Harun Mat Piah (2001). *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan. Call No: R899.281 HAR
5. Liaw, Y. F. (1975). *Sejarah kesusastraan Melayu klasik*. Singapura: Pustaka Nasional. Call No: RSING 899.2300902 LIA
6. Madulara (penyelenggara, 2004). *1000 pantun dondang sayang*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Call No: R 899.281 SER
7. Mohd Taib Osman (1974). *Kesusasteraan Melayu lama*. Kuala Lumpur: Federal Pub. Call No: RSING 899.2300901 MUH
8. Muhammad Ariff Ahmad (2004). *Mari kita berpantun (suatu petunjuk)*. Singapura: Majlis Bahasa Melayu Singapura. Call No: RSING 899.281 MUH
9. Muhammad Haji Husain (1957). *Petua mengarang pantun Melayu*. Penang: Sinaran Bros. Call No: RSEA 899.230081 MUH
10. Muhd Mansur Abdullah (1991). *Puisi Melayu klasik*. Petaling Jaya: Oscar Book International. Call No: RU 899.23008102 PUI
11. Noriah Mohamed (2006). *Sentuhan rasa dan fikir dalam puisi Melayu tradisional*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Call No: RSEA 899.28109 NOR
12. Omardin Haji Asha'ari (1960). *Kajian pantun Melayu*. Singapura: Malaya Pub. House. Call No: RCLOS 899.2300912 OMA
13. S. Othman Kelantan (2005). *Merenung peradaban dan tamadun melalui karya sastera*. Dalam *Sastera dan kemanusiaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Call No: R 899.2809 SAS
14. Tenas Effendy (2005). *Pantun nasehat*. Jakarta: Adi Cita. Call No: R 899.281 EFF
15. Tenas Effendy (2007). *Khazanah pantun Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Call No: R 899.281 EFF
16. Wilkinson, R. J. & Winstedt, R. (1961). *Pantun Melayu (cetakan keempat)*. Singapura: Malaya Publishing House Limited. Call No: RCLOS 899.2300812 WIL
17. Winstedt, R. (1969). *A history of classical Malay literature*. Singapore: Oxford University Press. Call No: RSEA 899.23 WIN
18. Zainal Abidin Bakar (penyelenggara, 1983). *Kumpulan pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran, Malaysia. Call No: 899.2300812 KUM